



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

#### **PENOLONG PENGARAH (KUMPULAN 2) JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PENOLONG PENGARAH**

**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
KUMPULAN 2 (\$5,400 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Alam Sekitar / Kesihatan / Keselamatan / Pengurusan / Pentadbiran atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. i) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Hendaklah terlebih dahulu menyediakan **dua (02)** kertas kerja yang Asli (*Original*) yang memuaskan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut dalam dua (02) daripada bidang-bidang sebagai satu penilaian kenaikan pangkat:
  - i) Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam;
  - ii) Kertas Kedudukan Pendirian Negara (*Position Paper*) bagi mesyuarat di luar negeri;
  - iii) Kertas Penggubalan / Penelitian Dasar; dan
  - iv) Kertas Kerja yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

Kertas Kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan di Kementerian masing-masing sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengawal pengurusan pentadbiran setiap unit di bawah Bahagian *HSE (Health, Safety and Environment)* dalam isu Kesihatan dan Keselamatan di sekolah, pejabat dan perumahan di bawah Kementerian Pendidikan;
2. Membuat inisiatif dan cadangan projek tahunan bahagian yang mendukung dan mencapai misi dan visi Bahagian *Health, Safety and Environment (HSE)*;
3. Mengendalikan mesyuarat bulanan dalam mengemaskini status setiap unit dalam aspek dasar pentadbiran, pengurusan, kewangan dan pelan strategik bagi projek baru;
4. Meneliti dan memperbaiki garispandu dan Prosedur Operasi Standard (*SOP*) yang sedia ada mengikut keperluan dan perubahan semasa;
5. Mengadakan *Awareness Programme, Socialization* dan aktiviti dalam isu kesihatan dan keselamatan dan memberiugkan kepada setiap *Stakeholders* mengenai kepentingan;
6. Menyediakan dasar, garis pandu dan Prosedur Operasi Standard (*SOP*) baru mengikut keperluan dan perubahan semasa;
7. Mengadakan lawatan ke sekolah, pejabat dan perumahan Kerajaan bagi memastikan pengawalan aspek kesihatan dan keselamatan dilaksanakan oleh pihak pengguna;
8. Bertugas sebagai *Independent Auditor* dalam membuat penilaian dan mencadangkan pemberian dalam isu kesihatan dan keselamatan;
9. Meneliti semula Manual Proses Kerja (*MPK*) dan Tekad Pemedulian Orang Ramai (*TPOR*) di bawah Bahagian *Health, Safety and Environment (HSE)*;
10. Menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan bahagian bagi keperluan dan memohon peruntukan bagi tahun kewangan akan datang;
11. Menyediakan dan memastikan pelaksanaan projek-projek di bawah Bahagian *Health, Safety and Environment (HSE)* yang merangkumi pembekalan, perkhidmatan dan kerjasama dengan agensi dalaman dan luar;
12. Menyediakan laporan tahunan bahagian bagi setiap tahun kewangan; dan
13. Dilantik selaku Pegawai Penyelaras bersama agensi-agensi yang berkenaan dalam hal ehwal kesihatan dan keselamatan di Kementerian Pendidikan.